

## ALUMNI PAPUUM PENERIMA ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA



**NUR ATHIRAH RUSHAMI ZIEN**  
 ALUMNI PAP UUM KOHORT 1 (SESI 2014/2015)

Nur Athirah mengekalkan prestasi cemerlang dengan Purata Nilai Gred (GPA) 4.00 selama tujuh semester berturut-turut, selain aktif menyertai aktiviti kampus, mencipta momen terindah apabila dipilih sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja pada Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM. Nur Athirah memulakan pengajian di UUM sebagai pelajar Program Asasi Pengurusan pada tahun 2014 sebelum mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Falsafah, Undang-Undang Dan Perniagaan (BPLB). Dengan keputusan cemerlang yang dicapai, beliau terpilih sebagai penerima Biasiswa Majlis Raja-Raja pada tahun kedua dan melangkah ke alam pekerjaan sebagai Eksekutif Pembangunan Perniagaan.

**AISYAH NABILA BINTI TAIFOR**  
 ALUMNI PAP UUM KOHORT 2 (SESI 2015/2016)

Kata-kata dorongan arwah bapa yang tersemat kuat di hati untuk melihat anak bongsu menyambung bakti sebagai kaunselor, penerima Anugerah Pelajaran Diraja pada Majlis Konvokesyen Ke-33 UUM. Aisyah Nabila Taifor tekad meneruskan perjuangan menamatkan apa yang telah dimulakannya selama lima tahun (4 tahun Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dan setahun Program Asasi Pengurusan) di UUM. Beliau bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah aktif dalam pelbagai aktiviti kokurikulum termasuk persatuan, kemasyarakatan, pengurusan majlis dan organisasi yang disertai. Kini, beliau berjaya mengapai cita-citanya menjadi Kaunselor Berdaftar.



## KELEBIHAN PROGRAM ASASI PENGURUSAN UUM

### AKREDITASI OLEH MQA

Program Asasi Pengurusan telah menerima Perakuan Akreditasi Penuh oleh MQA (MQA/FA4401) pada 21 Mei 2015.

### FEEDER KEPADA 48 PROGRAM SARJANA MUDA UUM

Lepasan asasi UUM berpeluang memilih 48 program sarjana muda yang ditawarkan di UUM tanpa melalui UPUOnline.

### TENAGA PENGAJAR BERPENGALAMAN

Tenaga pengajar yang berpengalaman serta kemudahan prasarana pengajaran dan pembelajaran yang selesa.

### BANTUAN KEWANGAN ASASI (BKA)

Pelajar daripada keluarga B40 dan M40 yang mendaftar sebagai pelajar Program Asasi Pengurusan UUM layak menerima BKA, tertakluk kepada syarat dan kelulusan KPT.

### PENGINAPAN DISEDIAKAN

Semua pelajar UUM diberi penginapan yang lengkap dengan kemudahan dobi, kafe, kedai serbaneka dan *student lounge* serta berdekatan dengan pusat pengajian.

### AKSES UUMWIFI SECARA PERCUMA

UUMWIFI baharu ini lebih pantas, lebih baik dan boleh didapati di kawasan utama seluruh kampus.

### PRASARANA YANG LENGKAP & GREEN CAMPUS

UUM menyediakan pelbagai kemudahan prasarana seperti Masjid Sultan Badlishah, Pusat Kesihatan & Kesejahteraan Universiti, Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Pusat Kaunseling, Hotel EDC-UUM, Varsity Mall, Muzium Pengurusan, Taman Burung Unta, Taman Rusa, kemudahan sukan seperti kolam renang bertaraf Olimpik, padang golf 18 lubang, litar go-kart dan lain-lain.



# UU0345001 PROGRAM ASASI PENGURUSAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA





# PENGENALAN

Pusat Asasi Pengurusan (PAP), Universiti Utara Malaysia ditubuhkan bagi melahirkan generasi yang bakal menerajui pelbagai bidang pengurusan di masa hadapan. Program Asasi Pengurusan telah mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) pada 16 April 2014 dan mula ditawarkan oleh Pusat Asasi Pengurusan (PAP), Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 18 Jun 2014. Program Asasi Pengurusan didaftarkan di bawah kod NEC 0414 (*Management and Administration*).

Program ini bertujuan melahirkan pelajar *feeder* UUM yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah, mementingkan masyarakat, cekap berkomunikasi, dan tegas dalam membuat keputusan dari aspek etika dan kemanusiaan. Pengurusan UUM sentiasa memastikan program yang diberikan berkualiti tinggi dan relevan kepada keperluan semasa dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian matlamat Pelan Strategik UUM dan pembangunan Negara terutama dalam sektor pengurusan. Selain itu, pengurusan UUM amat menitikberatkan keperluan pembelajaran serta fasiliti para pelajar bagi merangsang pembelajaran selain kualiti pengajaran para pensyarah.

# SYARAT KEMASUKAN

Lulus SPM dengan mendapat sekurang-kurangnya gred seperti berikut:

**a. Bahasa Melayu: A-**

**b. Bahasa Inggeris: B+**

**c. Mendapat sekurang-kurangnya gred A-** dalam mana-mana **empat (4)** mata pelajaran KKSM seperti berikut:

**A. Teras**

1. Matematik
2. Sejarah
3. Sains
4. Pendidikan Islam
5. Pendidikan Moral

**B. Elektif Kemanusiaan dan Sastra**

6. Prinsip Perakaunan
7. Ekonomi
8. Perniagaan
9. Pendidikan Seni Visual
10. Pendidikan Muzik
11. Geografi
12. Kesusasteraan Melayu
13. Kesusasteraan Inggeris
14. Pengajian Keusahawanan
15. Lukisan

**C. Elektif STEM**

16. Fizik
17. Kimia
18. Biologi
19. Matematik Tambahan
20. Sains Tambahan
21. Grafik Komunikasi Teknikal
22. Asas Kelestarian
23. Pertanian
24. Sains Rumah Tangga
25. Reka Cipta
26. Sains Komputer
27. Sains Sukan
28. Lukisan Kejuruteraan
29. Produksi Reka Tanda
30. Hiasan Dalamana
31. Reka Bentuk Grafik Digital
32. Landskap dan Nurseri

**D. Elektif Bahasa**

33. Bahasa Arab

**E. Elektif Pengajian Islam**

34. Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah
35. Pendidikan Syari'ah Islamiah
36. Tasawwur Islam
37. Usul Al-Din
38. Al-Syari'ah
39. Manahij Al-Ulum Al-Islamiah
40. Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah
41. Al-Abad wa Al-Balaghah
42. Hifz Al-Quran
43. Maharat Al-Quran
44. Turath Dirasat Al-Islamaiah
45. Turath Al-Quran dan Al-Sunnah
46. Turath Bahasa Arab

# YURAN PENGAJIAN

PERKARA	JUMLAH (RM)
Pendaftaran	433.00
Pengajian	875.00
Penginapan & Perkhidmatan	1,050.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>	<b>2,358.00</b>

**PELUANG PENAJAAN:**  
Pelajar daripada keluarga **B40 & M40** layak memohon **Bantuan Kewangan Asasi** yang ditawarkan oleh KPT

# TEMPOH PENGAJIAN

**SETAHUN** (3 semester)  
Permohonan kemasukan boleh dibuat menerusi portal rasmi UPUOnline (<https://upu.mohe.gov.my>), yang biasanya mula dibuka pada bulan Februari setiap tahun.

# STRUKTUR KURSUS (50 JAM KREDIT)

SEMESTER	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
SEMESTER 1	Introduction to ICT	3
	Principles of Management	4
	Writing & Research Skills	4
<b>Jumlah Jam Kredit</b>		<b>11</b>
SEMESTER 2	English for Foundation Studies	3
	Principles of Economics	4
	Principles of Marketing	4
	Principles of Financial Accounting	4
	*Introduction to Visual Arts (elective)	4
	*Basics of Psychology (elective)	4
	*Principles of Islam (elective)	4
	*Fundamentals of Philosophy (elective)	4
	*Principles of Communication & New Media (elective)	4
	*Nation Building (elective)	4
<b>Jumlah Jam Kredit</b>		<b>19</b>
SEMESTER 3	Youth Development	2
	English Advanced Learners	3
	Critical Thinking	3
	Mathematics	4
	Principles of Law	4
Principles of Management Accounting	4	
<b>Jumlah Jam Kredit</b>		<b>20</b>

\*Pelajar hanya perlu pilih **SATU** sahaja kursus elektif semasa Semester 2

**Syarat kemasukan ke Program Sarjana Muda UUM bagi lepasan Program Asasi Pengurusan UUM:**



**Pusat Asasi Pengurusan**  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah Darul Aman, Malaysia  
☎ 04-928 3451/3452/3460

- ASASIUUM
- ASASI\_UUM
- PAPUUM OFFICIAL
- @asasicroniclesstudio
- asasi@uum.edu.my
- www.asasi.uum.edu.my

# SENARAI PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA UUM

**Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA)**

1. Sarjana Muda Perakaunan Dengan Kejujuran
2. Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) Dengan Kejujuran

**Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM)**

1. Sarjana Muda Pemasaran Dengan Kejujuran
2. Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Kejujuran
3. Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia Dengan Kejujuran
4. Sarjana Muda Keusahawanan Dengan Kejujuran
5. Sarjana Muda Keusahawanan Dengan Kejujuran (Mod 2u2i)#

**Pusat Pengajian Undang-Undang (SOL)**

1. Sarjana Muda Falsafah, Undang-Undang Dan Perniagaan Dengan Kejujuran#
2. Sarjana Muda Undang-Undang Dengan Kejujuran#

**Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan Dan Perbankan (SEFB)**

1. Sarjana Muda Sains Ekonomi Dengan Kejujuran
2. Sarjana Muda Kewangan Dengan Kejujuran
3. Sarjana Muda Perbankan Dengan Kejujuran
4. Sarjana Muda Pengurusan Risiko Dan Insurans Dengan Kejujuran
5. Sarjana Muda Sains Pengurusan Perniagaan Dengan Kejujuran

**Pusat Pengajian Pendidikan (SOE)**

1. Sarjana Muda Pendidikan Dengan Kejujuran (Bimbingan Dan Kaunseling)#
2. Sarjana Muda Pendidikan Dengan Kejujuran (Perakaunan)#
3. Sarjana Muda Pendidikan Dengan Kejujuran (Teknologi Maklumat)#
4. Sarjana Muda Pendidikan Dengan Kejujuran (Pengurusan Perniagaan)#
5. Sarjana Muda Pendidikan Dengan Kejujuran (Pendidikan Moral)#

**Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar Dan Kerja Sosial (SAPSP)**

1. Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kejujuran#
2. Sarjana Muda Pengurusan Kerja Sosial Dengan Kejujuran#

**Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif Dan Seni Persembahan (SCIMPA)**

1. Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif Dengan Kejujuran#

**Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun Dan Falsafah (SLCP)**

1. Sarjana Muda Sastera Linguistik Dan Teknologi Maklumat (Dengan Kejujuran)#
2. Sarjana Muda Sastera Kesusasteraan Kontemporari Dan Pengurusan Industri Kreatif #
3. Sarjana Muda Linguistik Terapan Dan Pentadbiran Perniagaan Dengan Kejujuran
4. Sarjana Muda Sejarah Gunaan Dengan Kejujuran

**Pusat Pengajian Teknologi Multimedia Dan Komunikasi (SMMTC)**

1. Sarjana Muda Teknologi Media Dengan Kejujuran
2. Sarjana Muda Sains Dengan Kejujuran (Multimedia)
3. Sarjana Muda Komunikasi Dengan Kejujuran

**Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC)**

1. Sarjana Muda Sains Dengan Kejujuran (Teknologi Maklumat)
2. Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Kejujuran

**Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)**

1. Sarjana Muda Sains Dengan Kejujuran (Matematik Perniagaan)
2. Sarjana Muda Sains Dengan Kejujuran (Statistik Industri)
3. Sarjana Muda Sains Matematik Pemutusan dan Analitik Data Dengan Kejujuran

**Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS)**

1. Sarjana Muda Kewangan Dan Perbankan Islam Dengan Kejujuran
2. Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat Dengan Kejujuran
3. Sarjana Muda Pengurusan Halal Dengan Kejujuran (Mod 3U1)

**Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi Dan Logistik (STML)**

1. Sarjana Muda Pengurusan Operasi Dengan Kejujuran
2. Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kejujuran
3. Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Logistik Dan Pengangkutan) Dengan Kejujuran

**Pusat Pengajian Kerajaan (SOG)**

1. Sarjana Muda Pengurusan Awam Dengan Kejujuran
2. Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan Dengan Kejujuran

**Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS)**

1. Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa Dengan Kejujuran
2. Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa Dengan Kejujuran

**Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti Dan Acara (STHEM)**

1. Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti Dengan Kejujuran
2. Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan Dengan Kejujuran
3. Sarjana Muda Pengurusan Acara Dengan Kejujuran

**Akademi Golf Nasional (AGN)**

1. Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Golf) Dengan Kejujuran

(#) Program bertemu duga

